



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN,  
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN),  
TINGKAT 4,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM.

No.Telefon : 03-5544 7100  
03-5544 7101  
No. Faks : 03-5510 1748  
03-5513 0223

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

**selangorku**

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : IPK.SEL.SPBT100-1/7/2(5)

Tarikh : 28 Syawal 1437H  
2 Ogos 2016

Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor

Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat

Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Y.A.D/ YBhg. Dato' Setia/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN) SPBT BIL.1/2016: CADANGAN PENGURANGAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK DAN POLISTIRENA DI NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian Y.A.D/ YBhg. Dato' Setia/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil.1/2016: Cadangan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik Dan Polistirena Di Negeri Selangor yang menjelaskan maksudnya untuk perhatian dan tindakan lanjut Y.A.D/ YBhg. Dato' Setia/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan.

3. Selaras dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling ini, maka Perenggan 3.1 dalam Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) Bil.2/2011 Bagi Pelaksanaan Kempen Kesedaran Kitar Semula Serta Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena Di Bangunan-Bangunan Kerajaan Negeri Selangor adalah dimansuhkan.

.../2

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN) SPBT BIL.1/2016 : CADANGAN PENGURANGAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK DAN POLISTIRENA DI NEGERI SELANGOR**

---

4. Kerjasama pihak Y.A.D/YBhg. Dato' Setia/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**“TERBAIK DARIPADA KAMI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(MAS SAKDAH BINTI KAMARUZZAMAN A.M.S)**

Timbalan Pengarah

Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan,

Unit Perancang Ekonomi Negeri,

b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

email: marianie@selangor.gov.my

No.Tel: 03 5521 2406 No.Faks: 03 5510 1748/5513 0223

s.k. : Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)



**KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

---

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
(SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN)  
SPBT BIL. 1/2016**

---

**CADANGAN PENGURANGAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK DAN  
POLISTIRENA DI NEGERI SELANGOR**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua jabatan di bawah Kerajaan Negeri Selangor mengenai pindaan bagi perenggan 3.1 dalam Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) Bil.2/2011 Bagi Pelaksanaan Kempen Kesedaran Kitar Semula Serta Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena Di Bangunan-Bangunan Kerajaan Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan perenggan 3.1 dalam Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) Bil.2/2011, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar telah bersetuju untuk mengadakan Hari Tanpa Beg Plastik dan Polistirena secara berperingkat iaitu:
- i. Peringkat pertama: bermula Julai 2011 sehingga Disember 2011, gerai-gerai dan kafeteria di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri tidak dibenarkan untuk menggunakan beg plastik dan polistirena pada setiap hari Jumaat; dan
  - ii. Peringkat kedua: dijalankan pada setiap hari Isnin dan Jumaat bermula pada bulan Januari 2012 sehingga bulan Jun 2012.
- 2.2 Semua jabatan di bawah Kerajaan Negeri Selangor termasuk Pejabat Tanah dan Daerah, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah diminta untuk melaksanakan arahan Pekeliling tersebut.
- 2.3 Selaras dengan hasil kajian untuk memperluaskan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Selangor dan Mesyuarat Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena yang telah diadakan bersama semua PBT Negeri Selangor, terdapat keperluan untuk menambahbaik pelaksanaan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di Negeri Selangor.
- 2.4 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2016 yang bersidang pada 23 Jun 2016 secara dasarnya telah meluluskan Kertas Cadangan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena di Negeri Selangor dan disahkan oleh MMKN ke 22/2016 pada 13 Julai 2016.

### 3. ARAHAN KERAJAAN NEGERI

3.1 Berdasarkan keputusan MMKN Bil. 21/2016, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar:

- a) Pelaksanaan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena dilaksanakan pada setiap hari bermula bulan Januari 2017;
- b) Semua jenis perniagaan di Negeri Selangor tidak lagi dibenarkan untuk menyediakan beg plastik secara percuma;
- c) Menghentikan penggunaan bekas makanan dan peralatan polistirena di semua premis termasuk premis makanan dan pasar malam;
- d) Mewajibkan pemasangan *billboard* dan *banner* (reka bentuk seragam) pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di setiap PBT bagi tujuan promosi, pendidikan dan meningkatkan kesedaran pengguna mulai bulan Ogos 2016;
- e) Mewajibkan pemasangan notis pemberitahuan (reka bentuk seragam) hari tanpa beg plastik dan polistirena di kaunter-kaunter premis perniagaan;
- f) Setiap PBT perlu meletakkan syarat larangan penyediaan beg plastik secara percuma dan larangan penggunaan polistirena dalam syarat-syarat permohonan lesen; dan
- g) Menghentikan penggunaan beg plastik dan polistirena di semua majlis rasmi dan bangunan kerajaan Negeri Selangor pada setiap hari bermula bulan September 2016 dan meletakkan syarat larangan penyediaan beg plastik secara percuma dan larangan penggunaan polistirena dalam syarat-syarat permohonan lesen.

#### 4. TARIKH KUAT KUASA

4.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

#### 5. PEMAKAIAN

5.1 Semua jabatan di bawah Kerajaan Negeri Selangor termasuk Pejabat Tanah dan Daerah, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada pekeliling ini.

#### 6. PEMBATALAN

6.1 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, Perenggan 3.1 dalam Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) Bil.2/2011 Bagi Pelaksanaan Kempen Kesedaran Kitar Semula Serta Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena Di Bangunan-Bangunan Kerajaan Negeri Selangor adalah dimansuhkan.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh: 1 Ogos 2016

s.k.: Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)